

Ambil iktibar kepupusan Tasik Mentiga

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA, 7 September 2022, 8:00 am



Pemandangan udara keadaan Tasik Mentiga yang boleh diibaratkan sebagai tasik mati ekoran terbiar sejak sekian lama hingga bertukar menjadi kawasan berpaya dalam tinjauan tasik tersebut yang terletak di Kampung Tasik Mentiga, Chini, Pekan, Pahang. – UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI.

PEKAN: Tasik Mentiga yang telah pupus dan menjadi kawasan daratan seharusnya dijadikan iktibar supaya situasi sedemikian tidak terjadi terhadap tasik semula jadi kedua terbesar negara, Tasik Chini.

Selain Tasik Chini dan Tasik Bera, Tasik Mentiga juga merupakan tasik semula jadi, namun kewujudannya musnah disebabkan kerakusan manusia mengaut keuntungan dengan mengabaikan kelestarian alam sekitar di situ.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber berkata, aktiviti pembalakan dan pertanian yang tidak dikawal memusnahkan Tasik Mentiga.

Menurut sumber, pembuangan sisa kilang sawit juga menyebabkan pelbagai jenis tumbuhan dalam tasik itu mati. “Hutan dibersihkan dan langsung tidak dijaga. Kelodak sedimen turun ke tasik. Mendakan berlaku dan tasik menjadi cetek. “Lihat dan ambil contoh apa yang telah pun berlaku di Tasik Mentiga, tasik ini mati dan menjadi daratan kerana langsung tiada pemeliharaan dan pemuliharaan.

“Adakah perkara sama kita mahu berlaku di Tasik Chini? Terpulang kepada pihak berwajib,” kata sumber tersebut di sini semalam. Menurut sumber, dengan keadaan semasa Tasik Mentiga yang sudah pun menjadi daratan, adalah sukar ia dapat dipulihkan kembali.

“Susah untuk pulih. Sebab 100 meter dari tasik perlu direzabkan untuk hutan seperti yang telah pun dijanjikan pihak berwajib dahulu. “Namun ia tidak berlaku dan akhirnya memusnahkan tasik semula jadi berhampiran Tasik Chini itu,” katanya.

Tokoh Warisan Orang Hidup Kebangsaan, Profesor Datuk Dr. Aripin Said pula berkata, Tasik Mentiga kurang diketahui kisahnya oleh orang ramai jika dibandingkan dengan Tasik Chini dan Tasik Bera.



Namun katanya, tasik semula jadi itu tidak sepatutnya dibiarkan mati sebaliknya perlu dibangunkan sebagai lokasi pelancongan dan rekreasi. “Tasik, bukit, gunung dan pantai perlu dilestarikan termasuk flora dan faunanya. Jika tiada bukit dan tasik akan memusnahkan alam sekitar, banjir akan berlaku dan yang menerima kesannya rakyat. “Semua pihak mesti mengambil bahagian dan tanggungjawab tentang alam sekitar ini,” katanya. -UTUSAN